

Perlu data komersial, audit berkala

Bagi pastikan segala sistem dan aplikasi sentiasa dikemas kini

KUALA LUMPUR

Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang dilancarkan kerajaan pada Selasa merupakan penambahbaikan dalam memastikan tadbir urus awam yang lebih baik terutamanya dalam menjamin dasar sosioekonomi dilaksanakan dengan baik melalui orientasi data menyeluruh.

Penganalisis keselamatan dan politik di Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Noor Nirwandy Mat Noordin berkata, bagaimanapun, selain data profil individu dan isi rumah, PADU juga boleh diperluas untuk merangkumi data

mengenai perniagaan dan premis komersial di negara ini.

"Hal ini bagi memastikan sistem itu juga melaksanakan tugas melihat kepada potensi manipulasi sistem pengagihan kewangan yang disebabkan oleh ketidak-samaan harga barangan di seluruh rantau antaranya penyimpanan stok dan orang tengah yang menyebabkan kenaikan harga.

"PADU memerlukan data ini untuk memastikan sistem itu dapat menangani sektor komersial terlibat dalam menyediakan keperluan asas kepada orang ramai termasuk restoran dan produk isi rumah serta memastikan mereka yang mengendalikan perniagaan berskala kecil dan besar tidak terpinggir daripada sistem berkenaan," katanya.

Noor Nirwandy berkata, kerajaan perlu memberitahu orang ramai dalam semua platform khususnya di media sosial mengenai fungsi PADU untuk menjamin bahawa seluruh lapisan masyarakat dapat menggunakan sistem itu tanpa terlalu banyak gangguan.

Sementara itu, profesor daripada



NOOR NIRWANDY

RUSLI

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Rusli Abdullah mencadangkan agar kerajaan menjalankan audit berkala untuk mengenal pasti kelemahan dalam sistem itu.

Beliau berkata, langkah ini akan membolehkan sebarang isu ditangani segera serta memastikan perisian, sistem operasi dan aplikasi sentiasa dikemas kini dengan penyelesaian keselamatan terkini untuk mengurangkan potensi kelemahan dalam memastikan sistem keselamatan

yang terbaik.

"Kerajaan perlu merekayasa semula proses tertentu yang tidak relevan dan penting supaya sistem itu menjadi lebih pintar dan dikendalikan secara rasional," katanya yang turut menyarankan prosedur sistem sandaran dan pemulihan serta pelaksanaan sandaran data berkala dan menguji proses pemulihan untuk meminimumkan kesan kehilangan data atau kegagalan sistem yang mungkin berlaku.

PADU ialah pangkalan data sosioekonomi negara yang bersepadu, menggabungkan data dari jabatan dan agensi kerajaan, mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia serta memberikan gambaran seadil-adilnya mengenai kedudukan sosioekonomi setiap isi rumah rakyat Malaysia.

Pendaftaran dibuka kepada orang ramai bermula Selasa hingga 31 Mac dan pengguna boleh mengemas kini dan mengesahkan 30 butiran peribadi termasuk nombor kad pengenalan, bilangan isi rumah dan alamat kediaman. - *Bernama*